

Abdullah harap hubungan dengan Thailand akrab bawah PM baru

BANGKOK 12 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand akan terus akrab di bawah kepimpinan Perdana Menteri baru Thailand Jeneral Surayud Chulanont.

Dalam perutusan tahniah atas pelantikan Surayud, Abdullah berkata, beliau berharap untuk bekerja rapat dengan rakan sejawatannya itu bagi meningkatkan hubungan dua hala dan meneruskan objektif bersama dalam ASEAN.

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya mengucapkan selamat maju jaya atas pelantikan anda," kata Abdullah dalam perutusan itu, yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Thailand hari ini.

Perdana Menteri Malaysia itu berkata, pelantikan Surayud itu dibuat pada masa yang amat mencabar dalam memupuk perpaduan negara dan mencapai perdamaian.

Berkhidmat

"Saya yakin bahawa di bawah kepimpinan anda, anda boleh meletakkan asas yang kukuh untuk pembinaan semula demokrasi di Thailand," kata Abdullah.

Surayud, bekas Panglima Tentera Darat Thailand, dilantik memegang jawatan itu oleh pihak tentera Thai yang telah menggulingkan kerajaan pimpinan Thaksin Shinawatra dalam rampasan kuasa secara aman pada 19 September lepas.

Surayud akan berkhidmat sebagai Perdana Menteri sementara selama kira-kira setahun, dengan tugas utama untuk menyelia penggubalan perlembagaan baru bagi menggantikan Perlembagaan 1987 yang telah dimansuhkan oleh pihak tentera selepas rampasan kuasa itu.

Beliau akan menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam yang baru selepas pilihan raya umum yang akan diadakan pada Oktober tahun depan.

- Bernama